

26/09/1998

Dr Mahathir sifatkan Anwar penipu besar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai penipu besar apabila menuduh Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainuddin, membawa wang RM1 bilion untuk disimpan di Switzerland.

"Fikirlah sendiri, jika anda mahu membawa sebuah beg penuh berisi wang ke Switzerland, adakah anda akan membawanya bersama dan meletaknya di kerusi anda sebagaimana yang dituduh oleh Datuk Seri Anwar?

"Dia beritahu saya, ia (Daim) bawa sebuah beg besar yang dipenuhi dengan wang dan wang itu diletakkan di kerusi sebelahnya (dalam kapal terbang). Dia (Daim) beritahu juruterbang itu bahawa dia ada banyak wang di sini.

"Kemudian, juruterbang itu beritahu Bank Negara dan Bank Negara melaporkan kepada Datuk Seri Anwar dan dia melaporkan kepada saya.

"Sekarang...jika mahu membawa keluar sejumlah wang yang banyak dari negara ini, orang seperti Daim akan tahu betapa mudahnya untuk memindahkan wang hanya dengan menulis sesuatu di atas beberapa keping kertas mengatakan mahu mengeluarkan wang RM1 bilion.

"Dia ada `plane' (pesawat) sendiri, jadi kenapa dia nak bawa duit banyak itu dalam pesawat komersil?

"Sudah tentu orang asing yang mudah diperdaya saja akan percaya perkara seperti ini bahawa dia (Daim) bawa ditangannya wang RM1 bilion. Anwar adalah penipu besar dalam perkara ini," katanya.

Minggu lalu, ketika menyampaikan ceramahnya di Kota Bharu, Anwar mendakwa kononnya Perdana Menteri tidak ambil peduli berhubung laporannya mengenai seorang rakan rapat Dr Mahathir membawa keluar wang RM1 bilion untuk disimpan di luar negara ketika rakyat digalakkan menyimpan wang di negara ini.

Anwar berkata, Dr Mahathir berjanji akan menangani masalah itu, tetapi sampai hari ini tiada apa-apa yang dilakukan.

(END)